



## KESAN KAEDAH *TAHSIN AL-SOWT* (KTA) TERHADAP KEMAHIRAN TILAWAH PELAJAR DEWASA

### *THE EFFECT OF THE TAHSIN AL-SOWT METHOD (KTA) ON ADULT STUDENTS' TILAWAH SKILLS*

Mohd Rizal Hussin<sup>1\*</sup>, Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Open University Malaysia, Malaysia  
Email: rizroh@oum.edu.my

<sup>2</sup> Open University Malaysia, Malaysia  
Email: ubaidillah@oum.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 12.12.2023

Published date: 26.12.2023

##### To cite this document:

Hussin, M. R., & Abas, W. M. U. W. (2023). Kesan Kaedah *Tahsin Al-Sowt* (KTA) Terhadap Kemahiran Tilawah Pelajar Dewasa. *International Journal of Modern Education*, 5 (19), 241-253.

DOI: 10.35631/IJMOE.519017

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Kajian eksplorasi ini bertujuan meninjau keberkesanan Kaedah *Tahsin Al-Sowt* (KTA) terhadap kemahiran membaca al-Quran. Menurut Nik Jaafar (2012) dan Najmiah (2017), salah satu faktor ketidakmampuan membaca al-Quran secara *tartil* dengan baik adalah kurangnya kepentingan yang diberikan kepada kurikulum *tahsin al-sowt* atau suara dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP). KTA dalam kajian ini merupakan PdP yang syumul (holistik) – menggabungkan kurikulum *tahsin al-sowt*, tajwid dan *tarannum bi al-Quran* secara bersepadu. Objektif kajian adalah untuk menganalisis sama ada KTA dapat meningkatkan kemahiran ketiga-tiga komponen. Saiz sampel kajian seramai 20 orang merangkumi 10 perempuan dan 10 lelaki. Borang soal selidik menggunakan *skala likert*, pencarian koefisien korelasi rank Pearson, dan dapatan markah pra dan pasca KTA. Dapatan awal menunjukkan terdapat korelasi positif antara KTA dan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) peserta dengan nilai R (korelasi) rank Pearson 0.3599. Kajian dilanjutkan dengan meninjau peningkatan kemahiran membaca responden dengan menggunakan skema pemarkahan rubrik yang berbentuk formatif dengan pemerolehan dapatan peratusan purata (*Average percentage*) pra-KTA (43.6%) berbanding pasca-KTA (67.7%) – peningkatan sebanyak 24.1%. KTA berpotensi sebagai pendekatan alternatif yang boleh dieksplorasi dan dimanfaatkan dalam konteks formal dan tidak formal bagi peserta dewasa seperti yang dipaparkan dalam kajian ini.

#### Kata Kunci:

Kaedah *Tahsin Al-Sowt*; *Tajwid*; *Tarannum Bi Al-Quran*

**Abstract:**

This exploratory study aims to review the effectiveness of the *Tahsin Al-Sowt* Method (KTA) on the ability to read the Quran. According to Nik Jaafar (2012) and Najmiah (2017), one of the factors of the inability to read the Qur'an properly is the lack of importance given to the *tahsin al-sowt* curriculum or voice in the teaching and learning approach (PdP). KTA in this study is a comprehensive (holistic) PdP - combining *tahsin al-sowt*, *tajweed* and *tarannum bi al-Quran* curriculum in an integrated manner. The objective of the study is to analyse whether KTA can improve the skills of the three components. The study sample size of 20 people includes 10 women and 10 men. Questionnaires using a Likert scale, Pearson's rank correlation coefficient search, pre and post KTA scores. Preliminary findings show that there is a positive correlation between KTA and motivation (intrinsic and extrinsic) of the participants with an R (correlation) Pearson rank value of 0.3599. The study continued by reviewing the improvement of the reading skills of the respondents by using a formative rubric scoring scheme with the acquisition of an average percentage pre-KTA (43.6%) compared to post-KTA (67.7%) - an increase of 24.1%. KTA has potential as an alternative approach that can be explored and utilized in formal and informal contexts for adult participants as shown in this study.

**Keywords:**

*Tahsin Al-Sowt* Method; *Tajweed*; *Tarannum Bi Al-Quran*

**Pengenalan**

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran yang diwarisi daripada Rasulullah *Salallahu Alaihi Wa sallam* (SAW) adalah dengan membaca al-Quran secara *talaqqi* dan *musyafahah*; menjelaskan maksud ayat-ayat tersurat dan tersirat; menghafaz ayat-ayat al-Quran; dan mengamalkan ajarannya (Noh, 2016). Zaman silih berganti dan para Sahabat RA melaksanakan PdP dengan guru memperdengarkan bacaannya terlebih dahulu; kemudian didengar serta diulangi beberapa kali bersama-sama; dan kemudian menghafalnya. Langkah-langkah PdP ini dijadikan panduan bagi guru-guru *Tilawah Al-Quran* dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan (1) kemahiran lisan; (2) kelancaran bacaan; (3) penguasaan kemahiran *fasahah*; (4) penguasaan kemahiran bacaan bertajwid; dan (5) kemahiran bacaan *tadwir* dan *tartil* (Noh, 2015); dan juga turut dilaksanakan secara tidak formal (Isa et al., 2016; Omar & Yusoff, 2017; Rahman et al., 2020; Safie et al., 2018).

Kepentingan menguasai kurikulum suara atau *tahsin al-sowt* dalam menjayakan objektif KBSM tersebut seakan selari dengan anjuran Rasulullah SAW dalam hadis yang terjemahannya seperti yang berikut:

*Dari Al-Barra' bin 'Aazib radhiyallahu 'anhu, dia berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Perelokkanlah bacaan al-Quran itu dengan suara-suara kamu, sesungguhnya suara yang elok sahaja boleh menambah keelokan bacaan al-Quran itu" (Sunan Al-Darimi: 3501; Syu'abul Iman, Al-Baihaqi: 2141).*

Dalam pada itu, Nik Jaafar (2012) menekankan bahawa terdapat perbezaan antara bacaan bertajwid dan *tartil*. Bacaan al-Quran secara bertajwid ialah satu ciri kaedah pengawalan menyebut huruf al-Quran dan melafazkan ayat-ayat al-Quran dengan tepat mengikut apa yang dikehendaki oleh hukum *tajwid*. *Tartil* pula ialah pelaksanaan bacaan cantik, lengkap dan

sempurna yang menggabungkan *tahsin al-sowt*, tajwid *al-Qiraat*, *tarannum bi al-Quran* dan *lahjah al-Arabiyyah* (Nik, 2012; Rahman et al., 2020). Abdullah ibn Mas'ud, seperti yang terakam dalam *Tafsir al-Qurtubi* atau *Al-Jami' li ahkami al-Quran*, mengungkapkan bahawa bacaan *tartil* itu mestilah:

جَوِّدُوا الْقُرْآنَ وَزَيَّنُوهُ بِأَحْسَنِ الْأَصْوَاتِ ، وَأَعْرَبُوهُ فَإِنَّهُ عَرَبِيٌّ، وَاللَّهُ يُحِبُّ أَنْ يُعْرَبَ بِهِ

Terjemahan: “Hendaklah kamu bertajwid dengan bacaan *al-Quran*, hiasilah bacaan ayat-ayat *al-Quran* itu dengan sebaik-baik suara dan arabkanlah *lahjah* bacaannya kerana *al-Quran* itu daripada Bahasa Arab, sedangkan Allah sendiri suka bahawa *al-Quran* itu dibaca dengan *lahjah* Arab.”

Ringkasnya, menurut Abdullah ibn Mas'ud, bacaan *tartil* mestilah i) dibaca bertajwid, ii) dihiasi dengan sebaik-baik suara, dan iii) ditartilkan dengan *lahjah* Arab, termasuk *tarannum* (Nik, 2012).

### Maksud Kaedah *Tahsin Al-Sowt* (KTA)

KTA menerapkan atau mengadaptasi sebahagian daripada kaedah-kaedah yang terdapat pada kaedah *Baghdadiyyah*, *Al-Baghdadi*, *Iqra'* dan *Qiraati* dengan memfokuskan pengajaran dengan memanfaatkan gabungan kurikulum *tahsin al-sowt*, tajwid dan *tarannum bi al-Quran*. KTA digunakan dalam PdP pengkaji untuk membantu pelajar dewasa yang kurang lancar bacaan mereka. Kaedah ini memberi tumpuan kepada penggunaan suara untuk membantu peserta menguasai kemahiran 1) mengungkapkan suara kearaban pada *makhariju al-huruf* dan *sifatu al-huruf*; 2) hukum-hukum tajwid yang diperlukan peserta; 3) pengetahuan dan kemahiran mentarannumkan bacaan *al-Quran*; dan 4) rujukan kepada *al-Quran*, hadis, ijmak ulama dan *qiyas* bagi membangkitkan motivasi membaca *al-Quran* sejajar dengan galakan Rasulullah SAW sekali gus menanam cinta kasih kepada Baginda SAW.

Pembelajaran dimulakan dengan mengenal dan menyebut huruf berserta baris harakat secara terpisah ketika huruf tersebut berada di hadapan, di tengah dan di hujung kalimah. Pengenalan setiap huruf dilakukan tidak secara mendatar tetapi dengan mengelokkan sebutan huruf-huruf *hijaiyyah* dengan memberi keutamaan dan penekanan kepada sifat-sifat huruf: 1) *al-Istifal* (الإستفال) – pangkal lidah tidak terangkat ke langit; 2) *al-Infatih* (الإنتفاح) – merenggangkan lidah daripada langit atas dengan aliran suara tidak berkumpul di antara lidah dan langit mulut bagi kebanyakan huruf *hijaiyyah* kecuali huruf *al-Isti'la* (الإستعلاء); 3) *al-Isti'la* – pangkal lidah terangkat menuju langit yang juga bersifat *al-Itbaq* (الإطباق) – terangkat keseluruhan lidah ke langit atas ketika menyebutnya bagi semua baris harakat bagi huruf-huruf ص ض ط ظ (Nik, 2012) yang disebut juga sebagai *Musta'liyah Muthbaqah* (مستعلية مطبقة) di mana pangkal lidah dan tengah lidah terangkat sama (Mardhiyah, 2012).

Hal ini berbeza pula dengan *Musta'liyah Munfatihah* (مستعلية منفتحة) bagi huruf-huruf خ غ ق yang hanya pangkal lidah sahaja terangkat (Mardhiyah, 2012). Seterusnya, peserta juga dikenalkan kepada huruf-huruf yang menerima baris *fathah*, *kasroh*, *dhummah*, *fathatain*, *kasrotain*, *dhumatain* dan huruf-huruf yang menerima huruf-huruf *Mad* (*Alif*, *Wau* dan *Ya*). Di peringkat permulaan, peserta diminta menulis huruf-huruf *hijaiyyah* sambil berlatih menyebutnya. Hal ini berterusan sehingga peserta menulis kalimah-kalimah dan kemudian dalam bentuk jumlah sempurna daripada ayat-ayat suci *al-Quran*. Ini bertujuan membiasakan peserta dan memfasihkan sebutan *makhraj* dan sifatnya. Peserta kemudian diperkenalkan kepada *dhobtun* (lambang-lambang bacaan) serentak dengan hukum *Izhar*, *Idgham*, *Ikhfa'* dan *Iqlab* dalam

bacaan berpandukan *Rasm Uthmani* secara langsung. Pada tahap ini peserta akan lebih kerap diperkenalkan dengan gerak budaya suara kearaban yang bersesuaian dengan tajwid.

Pada masa yang sama di peringkat ini, kurikulum *tahsin al-sowt* sudah pun diperkenalkan dengan menggunakan kaedah suara yang ditolak ke bawah sesuai budaya kearaban yang menggunakan *sulalim* atau *salalim* (tangga-tangga) dengan menggunakan corong atas dan corong bawah (Nik, 2012). *Tobaqat* (tingkatan) suara turut diperkenalkan bersama tempat keluar suara serta ciri-cirinya seperti 1) suara *qoror* berfungsi di rongga dada dan ciri suaranya berat, besar dan tumpat; 2) suara *nawa* berfungsi di tekak dan ciri suaranya ringan, manis, lembut, manja; 3) suara *jawab* berfungsi dari rongga hidung dan ciri suaranya tajam, tinggi dan lantang; dan suara *jawab al-jawab* berfungsi dari rongga otak ke kawasan atas pipi termasuk rongga pada batang hidung atas dan ciri suaranya tajam meninggi, melayang-layang, basah dan tidak kering dan sedikit kehidungan tetapi bukan kesengauan (Nik, 2012). Kaedah suara diajar menggunakan 'kontinum' yang sekurang-kurangnya menggunakan tiga *tobaqat* suara.

'Kontinum' ialah sesuatu yang dianggap sebagai satu keseluruhan, struktur atau siri yang berterusan yang tidak harus dipisahkan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Kontinum ini dilanjutkan menjadi konsep *qita'ah* – gerakan atau alunan irama suara yang paling pendek tanpa *mahattah* yang merupakan satu bentuk atau gaya penghujung kepada suatu alunan (Nik, 2012). Pada masa yang sama, taranum diperkenalkan secara *murattal* dengan taranum *Bayyati* dan *Kurdi* terlebih dahulu; dan kemudian dengan bacaan *mujawwad* dengan taranum *Bayyati*, *Soba*, *Hijaz*, *Nahawand*, *Sikah*, *Rast* dan *Jiharkah* secara berperingkat dan mengikut keperluan dan kesediaan peserta. Pendekatan yang digunakan lebih tertumpu kepada aliran (*luhun al-Arab*) atau budaya Arab *Hijaziy*, *Iraqiy*, *Ajamiy*, *Kurdiy* dan *Husainiy*. Untuk mentaranumkan atau *mentatbiq* ayat pendekatan MaLuLaH (Makna ayat, *Luhun* – Aliran, *Lahjah* – taranum, *Harakat taranum*) digunakan.

Oleh sebab matlamat pembacaan al-Quran menggunakan KTA bertujuan mencapai tahap kemahiran seperti yang digalakkan oleh Rasulullah SAW maka para peserta digalakkan menggunakan model bacaan 4TIL. 4TIL merupakan akronim bagi *Tahsin* – mengelakkan bacaan; *Tazyin* – mencantikkan bacaan; *Tahzin* – bacaan yang alunannya sedih; *Tarji* – lantang dan berlagu; dan *Layyin* – lembut) dalam latihan bacaan mereka seperti mana yang disarankan berdasarkan hadis-hadis yang terhimpun dalam *Buku Qawaid al-Tarannum* (Nik, 2012). Dari sudut kurikulum suara pula, kemahiran suara yang pertama yang perlu dikuasai kemahirannya ialah *hassinuu* (*Tahsin*) Pada tahap ini peserta hendaklah mampu 1) menghasilkan suara yang sesuai dengan *makhraj* dan *sifat al-huruf*; 2) melaksanakan hukum-hukum tajwid yang lain seperti *Idzhar*, *Idgham*, *Ikhfa'*, *Iqlab*, dan pengawalan harakat *Mad* (kepanjangan suara dua, empat, lima dan enam harakat sesuai *Thoriq al-Syatibiyyah*).

Sebagai tambahan, peserta perlu 3) mengenal dan melaksanakan empat *tobaqat* suara. Model suara yang kedua pula ialah *ghinnuu* (*Taghannum* atau *Tarji'*) di mana suara disesuaikan dengan rentak, irama dan nada (RINa) bersandarkan *sighat* (pola ayat) yang dibaca dengan taranum-taranum asas seperti *Bayyati*, *Soba*, *Hijaz*, *Nahawand*, *Sikah*, *Rast* dan *Jiharkah*. Turut diperkenalkan pada tahapan model suara yang kedua ini ialah taranum-taranum *Far'i* atau *Furu'* (cabang) seperti *'Ajam*, *Kurdi*, *'Iraqi Asli*, *Ruuma*, *Al-Thiil*, *Nawa Athar*, *Bastancar*, *Bastat*, *Nikar*, *Bastankar*, *Zanjiran*, *'Ushaq*, *Syuri* dan lain-lain. Nasyid dan qasidah (Arab-Melayu) turut digunakan tetapi hanya di peringkat asas untuk mengisi ruang bagi pengetahuan sedia ada para peserta dan melatih *tobaqat* suara mereka. Ini adalah kerana persekitaran yang

ideal di mana taranum-taranum tersebut sering dikumandangkan atau didengar sukar diperolehi dan dilakukan oleh pelbagai sebab dalaman dan luaran peserta.

Model suara yang ketiga ialah *zayyinu* (*Tazyin*) dengan mengindahkan suara melalui pengawalan dan penggunaan *burdah-burdah* (bunga-bunga) suara. Ini hanya boleh dilakukan setelah peserta menguasai model suara pertama (*Tahsin*) dan kedua (*Tarji*). Pada model suara ketiga, peserta dikehendaki menggabungkan suara-suara berciri kearaban seperti basah, lembut, tinggi, memanfaatkan gabungan suara daripada *tobaqat* suara dan suara kehidungan (Nik, 2012). Model keempat ialah mengalunkan suara sedih (*Tahzin*) dalam bacaan; dan model kelima dan terakhir ialah mengalunkan suara yang lembut dan berseni tinggi yakni *qiraatan layyinan* (*Layyin*) sesuai hadis Rasulullah SAW di mana Abdullah bin Mughaffal berkata bahawa dia menyaksikan Nabi Muhammad SAW sendiri membaca surah *al-Fath* sedangkan Baginda berada di atas kenderaan unta sebagai bacaan yang paling lembut dalam bentuk bacaan *tarji* (melagukan bacaan) (Hadis Riwayat Bukhari, 4760: Sahih).

Ringkasnya, dalam KTA para pelajar melalui tiga fasa pembelajaran: 1) Fasa pertama: Kenal, baca dan tulis; 2) Fasa kedua: *Tahsin*; dan 3) Fasa ketiga: *Tazyin*, *Tahzin*, *Tarji* dan *Layyin*. Pada fasa pertama, peserta dipandu untuk mengenal huruf, *makhraj* dan *sifat huruf* melalui latihan membaca, menulis dan melatih tubi; fasa kedua membaca dan mempraktikkan keseluruhan hukum tajwid bermula dengan bacaan secara menyambung huruf, kalimah dan ayat melalui bacaan surah-surah lazim dalam *Juz 'Amma* seperti Surah *Al-Ikhlash*, *Al-Falaq* dan *Al-Nas* dan lain-lain termasuk Surah *Al-Fatihah*; dan fasa ketiga *mentatbiq* surah-surah lazim dengan *tarannum bi al-Quran* bermula dengan bacaan secara *murattal* menuju ke arah bacaan secara *mujawwad* seperti yang telah dibincangkan. KTA yang digunakan pada kajian ini hanyalah sebahagian dan bukan semuanya daripada apa yang telah dibincangkan dengan melihat kepada tahap kemahiran para peserta dan keperluan individu dalam membaca al-Quran.

Seyogianya diingat bahawa KTA yang dijalankan juga mengambil kira masalah utama yang peserta hadapi dalam membaca al-Quran, dan dalam jangka masa 10 sesi di mana setiap sesi mengambil masa kurang lebih satu setengah jam hingga dua jam.

### Persoalan Kajian

Kenyataan daripada Khairul, Talha dan Kamarul (2020) mendapati bahawa kelemahan murid yang mengambil peperiksaan Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ) dalam pembacaan al-Quran dari sudut taranum disebabkan oleh guru-guru KKQ yang kurang mahir penguasaan ilmu taranum mereka. Hal ini melibatkan kefahaman dan kemahiran guru pembimbing tentang suara al-Quran yang berbudaya kearaban perlu dikuasai (Latif et al., 2020). Najmiah, Hafizi dan Zaharah (2020) pula menyatakan bahawa kesalahan *jaly* dalam bacaan al-Quran tetap berlaku walaupun di peringkat Majlis Tilawah Al-Quran. Sebahagian besar kesalahan tersebut disebabkan oleh usaha mengimplementasikan *makhraj* dan *sifat huruf* yang juga melibatkan kemahiran suara (*tahsin al-sowt*) yang tidak menjadi (Omar et al., 2020). Tanpa pengalunan suara yang betul, *makhraj* dan *sifat huruf*, tipis dan tebal huruf (*tarqiq wa tafkhim*), *ghunnah*, *izhar*, *ikhfa* serta *tarannum bi al-Quran* sukar dilaksanakan.

Najmiah dan Zulkifli (2017) menyatakan bahawa pendekatan yang digunakan oleh Rogayah Sulong, qariah tersohor tanah air di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, turut memberi tumpuan kepada pengajaran tentang penggunaan suara dengan beliau memuatkan kriteria pemotongan markah aspek suara Majlis Tilawah Al-Quran dalam pengajaran beliau (Omar & Yusoff, 2017). Ringkasnya, suara berperanan penting dalam pembacaan al-Quran yang

merangkumi *Tajwid*, *Fasahah* dan *Tarannum bi al-Quran* namun tidak ramai yang meyakini. Persepsi para peserta dewasa yang merasakan kurikulum *tahsin al-sowt* tidak penting dan sering diabaikan merupakan antara faktor penyebab pengkaji menjalankan kajian eksplorasi ini. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis sama ada KTA meningkatkan kemahiran responden dari segi suara, tajwid (termasuk *makhraj* dan sifat huruf) dan *tarannum bi al-Quran*.

Soalan kajian yang perlu dijawab adalah adakah wujud peningkatan kemahiran membaca al-Quran dari segi suara, tajwid dan tarannum setelah KTA dilaksanakan. Kajian ini akan menilai sama ada Hipotesis Nol ( $H_0$ ) di mana tidak ada sebarang tindak balas atau peningkatan yang berlaku di antara pemboleh ubah - pemboleh ubah (variabel-variabel) yang dikaji, dan boleh ditolak; atau menerima Hipotesis Alternatif ( $H_1$ ) di mana berlaku tindak balas dan peningkatan kepada pemboleh ubah - pemboleh ubah yang dikaji sekali gus menolak Hipotesis Nol.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan rentetan daripada kajian eksplorasi (Creswell & Clark, 2017) yang dijalankan sebelumnya untuk melihat sama ada terdapat korelasi antara KTA dan motivasi para peserta dewasa dengan menggunakan borang soal selidik yang terlebih dahulu diuji kesahan dan kebolehpercayaannya dengan Alfa Cronbach (Grande, 2016; Taber, 2018; Zaenuddin, 2020) menerusi aplikasi *Microsoft Excel* seperti yang dijelaskan Todd Grande (Grande, 2016) dan Muhammad Zaenuddin (Zaenuddin, 2020). Jurang antara kajian rintis dan kajian sebenar borang soal selidik menggunakan *Likert Scale* adalah 0.04 di mana berlaku *regression* tetapi rubrik yang digunakan tetap dianggap mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik (Taber, 2018). Saiz sampel kajian terdiri daripada 20 orang responden, 10 perempuan dan 10 lelaki. Dapatan korelasi menurut Rank Pearson adalah positif tetapi hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah atau variabel (*variables*) adalah lemah pada 0.3599.  $R^2$  (*the coefficient of determination*) ialah 0.1295.

Nilai P pula ialah .11908 menunjukkan nilai statistik yang tidak signifikan pada  $p < .05$  yang bermaksud lebih hampir nilai p kepada 0, lebih lemah hubungan antara pemboleh ubah X dan Y. Walau bagaimanapun, menurut Karl Pearson, “*Correlation does not imply causation*” (Aldrich, 1995; Smith, 2020; Wiederman et al., 2021). Aldrich (1995) menyatakan bahawa menentukan korelasi antara pemboleh ubah X dan Y, bukan bererti satu pemboleh ubah ialah penyebab dan yang satu lagi akibat (*consequent*) langsung kerana berkemungkinan wujudnya pemboleh ubah lain, Z umpamanya (Wiederman et al., 2021). Fokus metodologi kajian dalam artikel ini adalah untuk meninjau sama ada KTA boleh meningkatkan kemahiran para peserta dalam bidang suara, tajwid dan *tarannum bi al-Quran*. Untuk tujuan itu, pengkaji menggunakan *Single Group-Experiment*. Saiz sampel kajian ini ialah 20 orang (10 perempuan dan 10 lelaki). Populasi terdiri daripada kalangan pelajar-pelajar dewasa.

Mereka berlatarbelakangkan lepasan sekolah menengah, graduan institusi pengajian tinggi, suri rumah, pekerja dan pesara di Singapura. Rakaman bacaan Al-Quran ringkas responden diteliti, dinilai, disaring dan dianalisis pencapaian pra dan pasca-KTA dan daripada kumpulan peserta yang sama. Bacaan mereka dirakam dan dinilai serta diberi markah berlandaskan markah dengan wajaran yang berikut: 1) *Tahsin al-Sowt* (Suara): 25 markah (25%); 2) Tajwid: 50 markah (50%); 3) *Tarannum bil Quran*: 25 markah (25%); dan Jumlah Penuh: 100 markah (100%). Rakaman dilakukan dengan menggunakan aplikasi perisian *Zoom Meeting*. Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan markah para peserta, pengkaji telah melakarkan rubrik (*standard criteria*) pemarkahan agar pemberian markah lebih objektif dan bertujuan

memberi maklum balas kepada peserta dalam membetulkan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran (Hattie & Timperley, 2007; Lysakowski & Walberg, 1982; Tenenbaum & Goldring, 1989).

Rubrik ialah alat penilaian untuk penilaian subjektif yang berkaitan dengan tujuan pembelajaran yang digunakan untuk menilai prestasi pelajar yang dilakukan secara tekal, tepat dan adil (Chatterji, 2003). Rubrik yang dibina guru, dalam hal ini pengkaji, dapat membantu murid untuk membina kejayaan dan menjadikan hasil pembelajaran yang diinginkan lebih jelas (Crooks, 1988; Wilburn & Felps, 1983).

### Kesimpulan Dan Cadangan

Dapatan daripada analisis antara komponen suara pra dan pasca-KTA menunjukkan nilai R (korelasi) menurut Rank Pearson  $r = \frac{\sum((X - My)(Y - Mx))}{\sqrt{((SSx)(SSy))}}$  ialah 0.4706. Secara teknikal, nilai ini menunjukkan korelasi yang positif antara kedua-dua pemboleh ubah X dan Y dan dianggap mempunyai kekuatan korelasi yang sederhana (Schober et al., 2018) walaupun hubungan atau perkaitan antara pemboleh ubah adalah lemah kerana berhampiran nilai R dengan 0. Nilai R<sup>2</sup> (*the coefficient of determination*) ialah 0.2215. Nilai P dalam Rank Pearson ialah .036249 dan signifikan pada  $p < .05$ . Dari sudut pemerolehan peratusan purata (*average mean*) pula, dari 29.6% ke 62.6% terdapat perbezaan positif sebanyak 33.0% seperti yang terdapat pada Jadual 1. Perbezaan markah suara pra dan pasca-KTA ketara pada infogram di Rajah 1.

**Jadual 1: Markah Dapatan dan Peratusan Purata (Average Mean) Pra dan Pasca-KTA Bahagian Suara.**

Responden	Jantina	Markah Suara % (Pra)	Markah Suara % (Pasca)	Beza %
1	P	0.2	0.56	0.36
2	P	0.2	0.6	0.4
3	P	0.2	0.52	0.32
4	P	0.2	0.64	0.44
5	P	0.2	0.72	0.52
6	P	0.2	0.6	0.4
7	P	0.52	0.84	0.32
8	P	0.2	0.84	0.64
9	P	0.2	0.2	0
10	L	0.2	0.52	0.32
11	L	0.2	0.52	0.32
12	L	0.2	0.56	0.36
13	L	0.8	0.92	0.12
14	L	0.2	0.56	0.36
15	L	0.52	0.6	0.08
16	L	0.2	0.88	0.68
17	L	0.52	0.84	0.32
18	L	0.52	0.52	0
19	L	0.2	0.52	0.32
20	L	0.24	0.56	0.32

JUMLAH	20	5.92	12.52	6.6
AVG	1	0.296	0.626	0.33

**Rajah 1: Perbandingan Markah Suara (100%) Pra dan Pasca-KTA**



Analisis antara komponen tajwid pra dan pasca-KTA pula menunjukkan nilai R (korelasi) menurut Rank Pearson  $r = \frac{\sum((X - M_x)(Y - M_y))}{\sqrt{(\sum SS_x)(\sum SS_y)}}$  ialah 0.6232. Nilai korelasi ini menunjukkan hubungan positif antara kedua-dua pemboleh ubah adalah sederhana. Ini bermakna ada kecenderungan pemboleh ubah X menghasilkan markah yang tinggi bersama pemboleh ubah Y atau sebaliknya. Secara teknikal, nilai ini menunjukkan korelasi yang signifikan di mana Nilai R<sup>2</sup> (*the coefficient of determination*) ialah 0.3884; Nilai P dalam Rank Pearson ialah .00333; dan ini menunjukkan bahawa Nilai P merupakan nilai yang signifikan pada  $p < .05$ . Dari sudut pemerolehan peratusan purata (*average mean*) pula, dari 50.8% ke 69.6% terdapat perbezaan positif sebanyak 18.0% seperti yang terdapat pada Jadual 2. Perbezaan markah tajwid pra dan pasca-KTA ketara pada infogram di Rajah 2.


**Jadual 2: Markah Dapatan dan Peratusan Purata (Average Mean) Pra dan Pasca-KTA Bahagian Tajwid**

Responden	Jantina	Markah Tajwid % (Pra)	Markah Tajwid % (Pasca)	Beza %
1	P	0.48	0.6	0.12
2	P	0.48	0.58	0.1
3	P	0.4	0.62	0.22
4	P	0.48	0.72	0.24
5	P	0.48	0.6	0.12
6	P	0.5	0.62	0.12
7	P	0.7	0.82	0.12
8	P	0.48	0.82	0.34
9	P	0.48	0.62	0.14
10	L	0.5	0.62	0.12
11	L	0.48	0.82	0.34
12	L	0.48	0.8	0.32
13	L	0.62	0.9	0.28
14	L	0.5	0.62	0.12
15	L	0.4	0.6	0.2
16	L	0.48	0.82	0.34
17	L	0.76	0.82	0.06



18	L	0.4	0.6	0.2
19	L	0.44	0.5	0.06
20	L	0.62	0.82	0.2
JUMLAH	20	10.16	13.92	3.76
AVG	1	0.508	0.696	0.188

**Rajah 2: Perbandingan Markah Tajwid (100%) Pra dan Pasca-KTA**




Analisis antara komponen *tarannum* pra dan pasca-KTA pula menunjukkan nilai R (korelasi) menurut Rank Pearson  $r = \frac{\sum((X - M_x)(Y - M_y))}{\sqrt{(\sum SS_x)(\sum SS_y)}}$  ialah 0.5994. Ini menunjukkan korelasi positif yang sederhana bagi kedua-dua pemboleh ubah X dan Y (Schober et al., 2018). Nilai R<sup>2</sup> (*the coefficient of determination*) ialah 0.3593. Nilai P dalam Rank Pearson ialah .00522. Nilai P menunjukkan nilai yang signifikan pada  $p < .05$ . Dari sudut pemerolehan peratusan purata (*average mean*) pula, dari 21.7% ke 34.6% terdapat perbezaan positif sebanyak 12.9% seperti yang terdapat pada Jadual 3. Perbezaan markah tajwid pra dan pasca-KTA ketara pada infogram di Rajah 3.

**Jadual 3: Markah Dapatan dan Peratusan Purata (Average Mean) Pra dan Pasca-KTA Bahagian Tarannum**

Responden	Jantina	Markah Tarannum % (Pra)	Markah Tarannum % (Pasca)	Beza %
1	P	0.12	0.3	0.18
2	P	0.12	0.12	0
3	P	0.1	0.28	0.18
4	P	0.1	0.34	0.24
5	P	0.12	0.36	0.24
6	P	0.24	0.42	0.18
7	P	0.26	0.42	0.16
8	P	0.24	0.42	0.18
9	P	0.12	0.24	0.12
10	L	0.24	0.28	0.04
11	L	0.26	0.4	0.14
12	L	0.26	0.26	0
13	L	0.42	0.48	0.06
14	L	0.28	0.4	0.12
15	L	0.1	0.4	0.3
16	L	0.38	0.44	0.06

17	L	0.36	0.42	0.06
18	L	0.26	0.26	0
19	L	0.12	0.26	0.14
20	L	0.24	0.42	0.18
JUMLAH	20	4.34	6.92	2.58
AVG	1	0.217	0.346	0.129

**Rajah 3: Perbandingan Markah Tarannum (100%) Pra Dan Pasca-KTA**



Kajian eksplorasi ini telah menjawab soalan-soalan kajian yang berbangkit daripadanya sama ada wujud peningkatan kemahiran membaca al-Quran dari segi suara, tajwid dan *tarannum bi al-Quran* sesuai KTA. Dalam kajian ini, Hipotesis Nol (H0) ditolak; dan Hipotesis Alternatif (H1) diterima. Antara dapatan utama yang diperolehi daripada kajian ini ialah motivasi orang dewasa yang mempelajari pembacaan al-Quran meningkat sesudah mengikuti KTA. Sementara itu, analisis daripada Jadual 1 dan Rajah 1 menunjukkan pencapaian bercampur-campur: ada markah yang tidak berubah pada pra dan pasca (responden 9 dan responden 18); ada markah yang meningkat sedikit (responden 13 dan 15) dan ada peningkatan markah yang banyak (responden 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 14, 16, 17, 19 dan 20). Apa yang jelas ialah markah majoriti peserta meningkat daripada markah pra-KTA komponen suara ke pasca-KTA komponen suara, kecuali responden 9 dan 18.

Responden 13 dan responden 15 merupakan responden-responden yang paling sedikit peningkatan markah suara walaupun positif. Analisis daripada Jadual 2 dan Rajah 2 pula menunjukkan peningkatan tajwid kepada semua responden sama ada sedikit, sederhana atau banyak. Tidak ada trend yang menurun atau sama. Peningkatan terendah markah tajwid adalah pada responden ke-13 dengan peningkatan markah +3; dan peningkatan markah tertinggi tajwid ialah responden ke-8, ke-11 dan ke-16 dengan peningkatan markah +17. Analisis daripada Jadual 3 dan Rajah 3 pula menunjukkan pencapaian markah tarannum yang bercampur-campur: ada yang tidak berubah (responden 2, 12 dan 18); berubah sedikit (responden 10, 13, 16 dan 17 lelaki); dan banyak peningkatan markahnya (responden 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 14, 15, 19 dan 20) yang merupakan majoriti. Yang jelas, tidak terdapat trend markah yang menurun dari segi suara, tajwid mahupun *tarannum bi al-Quran*.

Selama yang pengkaji maklum, pengajian pembelajaran al-Quran yang *syumul* berfokuskan *tahsin al-sowt* kurang diberi perhatian. Fokus utama pembelajaran al-Quran biasanya adalah pada pengajaran tajwid sahaja sehingga kadang-kadang membuat seseorang membaca al-Quran secara *syadid* (keras) dan ini menyukarkan peserta untuk mempelajari *tarannum bi al-Quran*. Menurut Nik Jaafar dalam 'Buku *Qawaid Al-Tarannum*', suara dapat membetulkan cara mengungkap tajwid yang tepat, memerdukan alunan suara ala '*arabiy* dan mencantikkan

*tarannum bi al-Quran* (Nik, 2012). Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa salah satu faktor kejayaan KTA turut berpunca daripada pendekatan PdP pembacaan al-Quran yang lebih kepada tumpuan murid (*student-centred*) yang menggunakan pendekatan andragogi yang lebih sesuai kepada golongan yang sudah matang dan bekerja (Hairul & Amran, 2017; Hare, 2018). Namun, mungkin terdapat faktor-faktor lain yang memerlukan kajian lanjut dijalankan.

Satu aspek yang amat penting dalam KTA ialah ketiga-tiga kurikulum iaitu suara, tajwid dan *tarannum* semisal seperti satu *triangulasi*, yang satu mengukuhkan yang lain sesuai dengan hadis Rasulullah SAW seperti yang dipetik di awal perbincangan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ad-Darimi bahawa hanya dengan suara yang elok sahaja boleh menambah keelokan bacaan al-Quran. Ada kekhawatiran bahawa nilai atau mutu *talaqqi* dan *musyafahah* agak menurun sedikit kerana tidak dapat dijalankan secara fizikal dan *face-to-face*. Sebaliknya, kajian ini membuktikan bahawa *online learning* dan KTA boleh membantu para peserta meningkatkan kemahiran membaca mereka. Kajian ini menyarankan agar kajian lanjutan dijalankan bagi mengukuhkan dapatan dan kesahannya. Demografi para responden seharusnya turut diberi perhatian agar dapatan kajian ini mampu merentas tempat, masa dan daerah bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaannya (Bettis et al., 2016; Block & Kuckertz, 2018).

Pendapat ini dikukuhkan dengan kenyataan Howard Wainer dan Henry I. Braun (1988), di mana jika sesuatu kajian diuji beberapa kali dan di lokasi yang berbeza serta selang masa yang berlainan dan kemudian dapatan yang sama masih diperolehi, barulah kajian itu boleh dikatakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang jitu (Wainer & Braun, 1988). Ringkasnya, ketegaran (*rigour*) penting sebelum mengisytiharkan kesahan sesuatu kajian. Kajian ini juga menonjolkan penggunaan kaedah penilaian formatif dan sumatif yang turut membantu, merangsang dan merapatkan kelopongan pembelajaran para peserta. Pengkaji berpendapat penilaian yang menggabungkan kedua-dua pendekatan penilaian ini berpotensi membantu pelajar dan guru bagi meningkatkan kemahiran membaca al-Quran para pelajar.

### Penghargaan

Dirakamkan penghargaan buat pihak Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas penerbitan artikel ini.

### Rujukan

- Aldrich, J. (1995). Correlations genuine and spurious in Pearson and Yule. *Statistical science*, 10(4), 364-376.
- Bettis, R. A., Helfat, C. E., & Shaver, J. M. (2016). The necessity, logic, and forms of replication. *Strategic Management Journal*, 37(11), 2193-2203.
- Block, J., & Kuckertz, A. (2018). Seven principles of effective replication studies: Strengthening the evidence base of management research. *Management Review Quarterly*, 68(4), 355-359.
- Chatterji, M. (2003). *Designing and using tools for educational assessment*. Allyn & Bacon.
- Clark, V. L. P., Creswell, J. W., Green, D. O. N., & Shope, R. J. (2008). Mixing quantitative and qualitative approaches. *Handbook of Emergent Methods*, 363, 363-387.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. (3rd ed.). United Kingdom: Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage Publications.
- Creswell, J.W., Clark, V.L.P., Gutmann, M.L., & Hanson, W.E. (2003). Advanced mixed methods research designs. In A. Tashakkori & C. Teddlie (Eds.), *Handbook of mixed methods in social and behavioral research* (pp. 209–240). London: Sage.

- Creswell, J.W., Tashakkori, A., Jensen, K.D., & Shapley, K.L. (2003). Teaching mixed methods research: Practices, dilemmas, and challenges. In A. Tashakkori & C. Teddlie (Eds.), *Handbook of mixed methods in social and behavioral research* (pp. 619–637). London: Sage.
- Creswell, J.W. (1998). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika*, 16(3), 297-334.
- Crooks, T. J. (1988). The impact of classroom evaluation practices on students. *Review of educational research*, 58(4), 438-481.
- Grande, T. L. (2016). *Calculating Cronbach's Alpha in Microsoft Excel Compared to SPSS*. [https://www.youtube.com/watch?v=uXKnn0T6Cyw&feature=emb\\_logo](https://www.youtube.com/watch?v=uXKnn0T6Cyw&feature=emb_logo). Dilayari pada 1/3/2021.
- Greene, J. C., Caracelli, V. J., & Graham, W. F. (1989). Toward a conceptual framework formixed-method evaluation designs. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 11(3), 255–274.
- Griffee, D. T. (2005). Research Tips: Interview Data Collection. *Journal of Developmental Education*, 28(3), 36-37.
- Hare, C. (2018, October 29). *Andragogy – The Adult Learning Difference*. <https://medium.com/age-of-awareness/andragogy-the-adult-learning-difference-2cbe20c721ef>. Dilayari pada 6/9/2023.
- Hattie, J. (2009). *Visible learning: A synthesis of over 800 meta-analyses relating to achievement*. London & New York: Routledge.
- Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. *Review of educational research*, 77(1), 81-112.
- Howard, J. L., Gagné, M., & Bureau, J. S. (2017). Testing a continuum structure of self-determined motivation: A meta-analysis. *Psychological Bulletin*, 143(12), 1346.
- Hussin, H., & Ismail, M. (2018). Keberkesanan kaedah al-Matien dalam pembelajaran tilawah al-Quran. *Al-Thurath Journal of Al-Quran and Al- Sunnah*, 3(2), 1-8.
- Isa, K., Ibrahim, M. L., & Daud, M. (2016). Tan Sri Dato'Haji Hassan Azhari. *Al Basirah Journal*, 6(1), 31-47.
- Keempat, K. D. E. (2005). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Latif, M. K., Jimaain, T., & Jasmi, K. A. (2020). Competence and method of teaching tarannum al-Quran among teachers of special class on reading and memorizing al-Quran skill (KKQ) in Johor. In *3<sup>rd</sup> International Conference on Research of Educational Administration and Management (ICREAM 2019)* (pp. 249-253). Atlantis Press.
- Lysakowski, R. S., & Walberg, H. J. (1982). Instructional effects of cues, participation, and corrective feedback: A quantitative synthesis. *American Educational Research Journal*, 19(4), 559-572.
- Mardhiyah, A. (2012). *Tajwid Al-Quran Qiraat 'Ashim – Riwayat Hafsh Toriq al-Syatibi. Jilid 1 dan 2 (Cetakan Pertama)*. Kuala Lumpur: Perniagaan Normahs. Malaysia.
- Nik, I. N. J. (2012). *Buku Qawaidu Al-Tarannum. Cetakan Kelima*. Darul Fikir Sendirian Bhd. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Noh, M. A. C. (2015). *Pengajaran & pembelajaran tilawah al-Quran sekolah menengah di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar, N., Yusof, N. H., Ismail, F. Z., & Abdullah, W. F. W. (2020). Kesalahan bacaan al-Quran dalam tilawah al-Quran dan kriteria evaluasi. *Tamaddun*, 21(1), 115-126.

- Omar, N., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2017). Sumbangan Dato' Hajjah Rogayah Binti Sulong dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum Al-Quran. *Journal of al-Tamaddun*, 12(2), 73-85.
- Palal, N. H., & Hamzah, A. (2017). Andragogi: Pendekatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan operator Inap Desa Malaysia. *Sains Humanika*, 9(1), 25-31.
- Safie, S., Yusoff, Z. H. M., Ahmad, K., & Ishak, H. (2018). Pengajian tarannum sebelum dan semasa era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman. *Al-Thurath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 3(1), 37-45.
- Salleh, M. N. M., Hussin, Z., & Mohamed, M. F. (2020). Analisis keperluan pembangunan model pengajaran tarannum al-Quran: Satu kajian penerokaan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(3), 27-38.
- Schober, P., Boer, C., & Schwarte, L. A. (2018). Correlation coefficients: appropriate use and interpretation. *Anesthesia & Analgesia*, 126(5), 1763-1768.
- Smith, A. G. (2020, July). "Correlation does not imply causation": Bradford hill, causative inference, and obesity-related neuropathy. *Mayo Clinic Proceedings*, 95 (7), 1306-1309.
- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296.
- Tenenbaum, G., & Goldring, E. (1989). A meta-analysis of the effect of enhanced instruction: Cues, participation, reinforcement and feedback and correctives on motor skill learning. *Journal of Research & Development in Education*, 22(3), 53-64.
- Weiner, B. (1979). A theory of motivation for some classroom experiences. *Journal of Educational Psychology*, 71(1), 3.
- Wainer, H., & Braun, H. I. (Eds.). (1988). *Test validity*. Routledge.
- Wiedermann, W., Kim, D., Sungur, E. A., & von Eye, A. (Eds.). (2021). *Direction dependence in statistical modeling: Methods of analysis*. John Wiley & Sons.
- Wilburn, K. T., & Felps, B. C. (1983). *Do pupil grading methods affect middle school students' achievement: A comparison of criterion-referenced versus norm-referenced evaluation*.
- Zaenuddin, M. (2020). *Statistik terapan untuk ekonomi dan bisnis (Teori dan praktik komputer dengan menggunakan SPSS & Excel)*. Deepublish.